

Pertemuan ahli Parlimen progresif platform Najib jelaskan keadaan, kata Kit Siang
The Malaysian Insider
July 6, 2015

Pertemuan ahli Parlimen progresif yang dijadualkan berlangsung esok di Parlimen adalah platform terbaik bagi Datuk Seri Najib Razak menjelaskan keadaan sebenar susulan dakwaan akhbar The Wall Street Journal kepadanya, kata Lim Kit Siang.

Ketua Parlimen DAP itu berkata, perdana menteri turut dialu-alukan menyertai pemimpin pembangkang tersebut dalam pertemuan itu.

Katany, Malaysia kini sedang berdepan krisis membabitkan perdana menteri yang terbesar dalam sejarah.

"Belum pernah dakwaan seperti ini timbul, oleh penerbitan antarabangsa berdasarkan siasatan kerajaan terhadap 1MDB!" kata Lim.

"Adakah Najib bersedia menghadirkan diri di Parlimen esok dan membersihkan namanya?" soal ahli Parlimen Gelang Patah itu.

WSJ pada Khamis mendedahkan penyiasat Malaysia menemui sekitar US\$700 juta (RM2.6 bilion) dana daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disalurkan ke akaun peribadi Najib.

"Rakyat Malaysia terkejut, keliru, dan berasa gelisah sehingga sekarang, Najib tidak boleh memberikan jawapan dengan hanya berkata 'Ya' atau 'Tidak' terhadap dakwaan WSJ," kata Lim.

"Dalam sekelip mata, politik Malaysia mengalami perubahan dan tidak akan kembali seperti sedia kala seperti sebelum pendedahan WSJ."

Lim berkata, dalam pertemuan itu, ahli Parlimen progresif yang percaya keutamaan dalam sesebuah negara adalah "tatakelola kerajaan yang baik" muak dengan gejala rasuah, salah guna kuasa, dan ketidakadilan sosial, ingin melihat dengan fikiran terbuka dakwaan WSJ.

"Tetapi setiap hari berlalu tanpa sebarang jawapan konkrit Najib sama ada wang berkenaan disalurkan ke akaun peribadinya," kata Lim. – 6 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pertemuan-ahli-parlimen-progresif-platform-najib-jelaskan-keadaan-kata-kit>